



MASKOT Upin dan Ipin akan muncul pada 1 Disember sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia Ke-11 di Seremban.

Upin, Ipin meriahkan Pesta Konvo USIM Ke-11

SEREMBAN 13 Nov. - Acara Kid's Corner yang menyediakan pelbagai aktiviti untuk kanak-kanak akan turut mengisi program sepanjang Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mulai 28 November ini.

Jurucakap penganjur, Jamaah Mohamad berkata, acara tersebut akan turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Upin dan Ipin yang pastinya menarik perhatian kanak-kanak.

"Maskot Upin dan Ipin ini akan didatangkan pada 1 Disember iaitu pada sebelah pagi dan petang selepas selesai Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak," katanya dalam satu

Pesta
KONVO
Utusan **Mingguan** **USIM**
kali ke-11, 2013

kenyataan hari ini.

Katanya, pengunjung dan kanak-kanak boleh beramah mesra dengan maskot ini.

Di samping itu, sempena pesta konvokesyen ke-11 ini, kanak-kanak juga akan turut dihiburkan dengan acara sampingan seperti kuiz yang

turut menawarkan hadiah menarik.

"Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan lagi penganjuran Pesta Konvokesyen USIM ini yang akan bermula pada 28 November hingga 1 Disember bertempat di Kompleks Sukan Tuanku Najihah USIM," katanya.

Beliau berkata, pelbagai acara menarik ditawarkan seperti Pertandingan Memancing, Pertandingan Futsal Terbuka dan pelbagai lagi acara dengan penampilan selebriti terkenal tanah air seperti Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Ghazali Ibrahim.